

Sultan ketuai perarakan

25/11/2013
17

Baginda bersama pemimpin, rakyat berjalan sejauh 2.5 kilometer

NORSHIKIN MOHD SALLEH

SEGAMAT - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar mencemar duli mengetuai perarakan sambutan Maulidul Rasul Peringkat Negeri 1434/2013, di Dataran Segamat dan berakhir di pekarangan Masjid Jamek Segamat, sejauh 2.5 kilometer, semalam.

Turut mengiringi baginda, Tuanku Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah; puterinya, Tunku Aminah; Tunku Putera, Tunku Abu Bakar; Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan isteri, Prof Dr Datin Paduka Jamilah Ariffin; Setiausaha Kerajaan Johor, Datuk Obet Tawil; Mufti Johor, Datuk Mohd. Tahir Tahir Samsudin; Pegawai Daerah Segamat, A Rahim Nin dan Kadi Daerah Segamat, Abdul Mutualib Abdul Rahim.

Dalam ucapannya, Obet menggesa umat Islam mencontohi sifat dan



Sultan Ibrahim menyertai perarakan sempena Sambutan Maulidul Rasul Peringkat Negeri Johor sejauh 2.5 kilometer.

pendekatan Nabi Muhammad SAW yang bersederhana dalam semua perkara hingga berjaya melalui dakwahnya mengembangkan agama Islam.

"Pendekatan sederhana dan seimbang yang dipelopori Nabi Muhammad SAW menjadi pola dalam masyarakat Madinah dan kerana itu seluruh penduduk di

Semenanjung Arab memeluk Islam lalu membentuk satu komuniti atau ummah yang kuat.

"Kebijaksanaan Baginda perlu diuteruskan oleh umat Islam untuk terus mewujudkan keharmonian dalam hidup dan melonjakkan Malaysia ke tahap lebih cemerlang. Sirah Nabi Muhammad SAW harus menjadi ke-

kuatan kepada kita," katanya.

Sementara itu, Abdul Mutualib berkata, sambutan Maulidur Rasul itu bukan satu sunnah nabi kerana tidak pernah dilakukan pada zaman Baginda, namun amalan itu tidak berdosa apatah lagi dilakukan sebagai tanda peringatan, kasih dan simbol kecintaan terhadap nabi yang mem-

bawa rahmat kepada semua manusia dan alam semesta.

"Ini bertepatan dengan sebuah hadis nabi yang bersabda, seorang insan akan bersama-sama dengan orang yang dikasih di hari akhirat. Perarakan yang kita lakukan hari ini adalah lambang kasih dan cinta kita kepada nabi," katanya.

Selain itu katanya, perarakan seperti itu melambangkan kesatuan ummah tanpa mengira latar belakang dan pangkat dalam satu majlis penuh berkat dan kesyukuran bagi memperingati pengorbanan nabi sebagai utusan akhir zaman.

Perarakan disertai 12,000 peserta membabitkan 88 kontinjen dari pelbagai agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi (IPT) dan pelajar.

Ia turut melibatkan Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) termasuk golongan warga tua.